



**GARIS PANDUAN PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENJALANKAN URUSAN  
AGENSI PERSENDIRIAN BAGI TAHUN 2023  
(KEMASKINI 29 SEPTEMBER 2022)**

1. **Setiap syarikat perlu mengemaskini dan menghantar maklumat-maklumat pembaharuan lesen syarikat bagi tahun 2023 secara *online* melalui sistem *Electronic Security Industry Management System (eSIMS)* di pautan (<http://www.esims.moha.gov.my>) dan mengemukakan pengesahan *online* bersama dokumen permohonan pembaharuan lesen.**
2. Setiap permohonan pembaharuan juga hendaklah disertakan dengan **surat permohonan (*cover letter*)** daripada syarikat.
3. Syarikat yang telah menjelaskan bayaran caruman KWSP, PERKESO, PSMB dan bayaran cukai LHDN dan KASTAM **hendaklah mengemukakan resit rasmi dan penyata bayaran yang telah diakui sah dengan *Certified True Copy (CTC)* rasmi pihak berkenaan. Dokumen yang dikemukakan tersebut hendaklah jelas, terang dan mudah dibaca.**
4. Syarikat yang masih belum menjelaskan bayaran caruman KWSP, PERKESO, PSMB dan bayaran cukai LHDN dan KASTAM, hendaklah mengemukakan surat penjelasan atau surat setuju bayaran tunggakan/ansuran daripada pihak berkenaan.
5. Pemohon hendaklah mengemukakan Polisi Insurans mengikut kategori lesen yang hendak diperbaharui seperti berikut:
  - 5.1 Lesen 2 (a) :
    - i) *Professional Indemnity Insurance*
    - ii) *Public Liability Insurance*
    - iii) *Group Personal Accident Insurance*
  - 5.2 Lesen 2 (b) :
    - i) *Professional Indemnity Insurance*
    - ii) *Group Personal Accident Insurance*
  - 5.3 Lesen 2 (a) & 2 (b) :
    - i) *Professional Indemnity Insurance*
    - ii) *Public Liability Insurance*
    - iii) *Group Personal Accident Insurance*

6. Dokumen permohonan pembaharuan lesen yang telah lengkap dalam bentuk *hardcopy* dan juga dalam bentuk digital / *scan document* (dalam **bentuk PDF**) yang dimuatnaik dalam **pendrive** hendaklah dikemukakan pada **Hari Bertemu Pelanggan seperti jadual di LAMPIRAN A** atau di Kaunter Bahagian Keselamatan dalam **tempoh 3 Oktober sehingga 31 Disember 2022.** **Permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan diproses dan lesen tidak diperbaharui.**
7. Dokumen permohonan pembaharuan lesen yang telah lengkap dalam bentuk *hardcopy* hendaklah **disusun serta dilabel berdasarkan senarai semak dan akan dikembalikan kepada syarikat setelah semakan dibuat.**
8. Sila kembalikan senarai semak permohonan pembaharuan lesen tahun 2023 yang telah ditandatangani oleh pengarah syarikat.